

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

**HKT505 - Kaedah Penyelidikan Sastera, Media dan Budaya**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan lagi daripada Bahagian B.

Jawab Bahagian A dan Bahagian B di dalam buku jawapan yang berasingan.

...2/-

**SULIT**

## Bahagian A

1. Ricard D. Altic (1972) telah menyarankan kepada sarjana supaya mementingkan ketepatan bukti dan hujahan dalam kajian kesusasteraan. Berdasarkan pandangan tersebut, bincangkan secara kritis TIGA prinsip mencari bukti yang dikemukakan oleh beliau.

[100 markah]

2. Kajian kesusasteraan yang menghubungkan antara teks dengan budaya hidup sebenar masyarakat merupakan satu pendekatan kajian yang berhubungan dengan bidang sosiologi. Dengan menggunakan contoh kajian yang sesuai, kemukakan SATU kerangka konseptual yang boleh diaplikasikan dalam kajian seperti ini.

[100 markah]

3. *Malay Concordance Project* yang diusahakan oleh Australian National University (ANU) merupakan salah satu pangkalan data yang sesuai untuk penyelidikan sastera. Hujahkan secara kritis kelebihan dan kekurangan data-data daripada portal tersebut untuk digunakan sebagai sumber kajian.

[100 markah]

## Bahagian B

4. Nyatakan kepentingan media kepada seorang penyelidik. Sebagai seorang penyelidik, jelaskan bagaimana anda menggunakan pengetahuan dalam media baharu untuk menghasilkan sebuah penyelidikan kesusasteraan yang berwibawa.

[100 markah]

5. Dengan menggunakan kaedah kajian laman sesawang (*web studies*), pilih salah satu genre sastera digital yang telah anda kaji dan bincangkan karya tersebut dalam aspek penciptaan dan penerimaannya.

[100 markah]

...3/-

6. Jelaskan maksud kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Bilakah kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan dalam sesebuah penyelidikan? Hujahkan kenapa seseorang penyelidik itu harus menggunakan salah satu atau kedua-dua kaedah tersebut dalam penyelidikannya.

[100 markah]

- oooOooo -